

Headline	THT lakar kejuaraan hatrik		
MediaTitle	Utusan Malaysia	Language	Malay
Date	19 Sep 2016	Readership	563,000
Circulation	171,663	Page No	39
Section	Sukan	Journalist	N/A
ArticleSize	475 cm ²		
PR Value	RM 28,422		



Misi kini buru hatrik Piala TNB

THT lakar kejuaraan hatrik

Oleh ROSALINDA SAID

sukan@utusan.com.my

■ KUALA TERENGGANU 18 SEPT.

PASUKAN Hoki Terengganu (THT) melakar sejarah mempertahankan kejuaraan Liga Hoki Malaysia (TNB-MHL) buat kali ketiga berturut-turut selepas menundukkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) 3-1 dalam perlawanan terakhir di Stadium Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) di sini, hari ini.

Kemenangan itu membolehkan THT membawa pulang wang RM100,00, piala pusingan dan pingat.

Malah, kejayaan tersebut juga meletakkan anak-anak buah Sajit Singh di landasan terbaik untuk memahat sejarah memburu kejuaraan hatrik berganda dengan mempertahankan Piala TNB.

THT yang menjuarai Liga Hoki Malaysia 2014, 2015 dan 2016 turut memegang status sebagai juara bertahan Piala TNB 2014 serta 2015.

"Kita gembira dengan keputusan ini kerana bukan mudah untuk mempertahankan kejuaraan tiga kali berturut-turut.

"Prestasi kita tidak merosot bagaimanapun saya akui kita berdepan cabaran hebat kerana mutu permainan kesemua pasukan hoki semakin meningkat dalam setiap perlawanan musim ini," kata Sajit.

THT memperoleh gol pertama seawal minit kelima hasil pukulan penalti yang dimanfaatkan Mchd. Fitri Saari.

Tuan rumah menambah derita TNB apabila meraih gol kedua pada minit ke-18 hasil jaringan Tengku Ahmad Tajuddin Tengku Abdul Jalil, sebelum Isnail Abu minit melebarkan kedudukan 3-0 di minit ke-31.

Biapun TNB berjaya merapatkan jurang 3-1 seminit kemudian menerusi Muhammad Ramadan

Rosli, namun ia gagal menyekat THT.

Ketika ditanya persediaan THT untuk mempertahankan kejuaraan Piala TNB, Sajit berkata, dia mahu meraikan kemenangan tersebut terlebih dahulu sebelum memikirkan ramuan terbaik dalam mempersiapkan diri menghadapi saingan merebut.

Sementara itu, kemenangan 2-1 Sapura ke atas Maybank dalam satu lagi aksi di Stadium Tun Razak Kuala Lumpur hari ini jelas tidak membawa apa-apa makna berikutan kemenangan yang dicatat THT lebih awal.

Bagaimanapun keputusan tersebut berjaya meletakkan Sapura selaku naib juara liga.

Gol-gol Sapura dijaringkan Gurbaj Singh dan Phillip Ross Burrows, manakala gol tunggal Maybank dijaringkan Juan Valeiriano.

Headline	THT lakar kejuaraan hatrik		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	19 Sep 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Sukan	Page No	39
ArticleSize	475 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 28,422		



PEMAIN Pasukan Hoki Terengganu meralkan kejayaan mempertahankan kejuaraan Liga Hoki Malaysia buat kali ketiga berturut-turut selepas menumpaskan TNB 3-1 di Kuala Terengganu, semalam.